

# Dr Mahathir arkitek penubuhan UIAM

BH 13 APR 2001

HASIL kesungguhan dan tekad politik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kerajaan Malaysia menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 1983.

Selain mencari kecemerlangan akademi, UIAM menitikberatkan keseimbangan pembangunan dan kesepaduan personaliti yang bersedia menghadapi cabaran dunia kontemporari.

UIAM adalah satu-satunya universiti yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pembelajaran dan urusan seharian, sementara Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar program Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan.

Penggunaan dua bahasa ini adalah sebahagian daripada misi universiti untuk mencapai peringkat antarabangsa.

Program yang diperkenalkan di UIAM menawarkan peluang unik kepada pelajar untuk cemerlang dalam bidang akademik dan pembangunan diri menerusi disiplin tegas serta pendekatan menyeluruh untuk lebih maju di bidang pembelajaran.

UIAM mendefinisikan ilmu sebagai amanah Allah yang perlu dipelajari dan diperkembangkan demi kebajikan umat manusia.

Sehubungan itu, UIAM amat menghargai mereka yang ingin mendalami bidang ilmu dan usaha murni itu dilihat sebagai ibadah.

Menggabungkan sumber ilmu daripada al-Quran dengan perkembangan sains, UIAM menyumbang kepada kekayaan intelektual dan perkembangan individu secara khusus dan masyarakat amnya.

UIAM menawarkan pelbagai program meliputi semua subjek utama dan mempunyai lebih daripada 10,654 pelajar termasuk 1,456 pelajar antarabangsa daripada 102 negara.



## SEJARAH PENUBUHAN UIAM.

- **12 Januari 1982** – Penubuhan UIAM dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.
- **12 Februari 1982** – Kertas cadangan penubuhan UIAM diluluskan oleh Perdana Menteri dan Kabinet.  
– Jawatankuasa Pemandu ditubuhkan untuk menyelaraskan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.  
– Beberapa negara daripada organisasi Islam bersetuju untuk menaja penubuhan UIAM.
- **10 Mei 1983** – UIAM ditubuhkan secara rasmi.
- **20 Mei 1983** – UIAM mendapat perkenan daripada Yang Di-pertuan Agong ketika itu, Sultan Ahmad Shah.
- **27 Mei 1983** – Majlis Gabenor UIAM mengadakan mesyuarat pertama mereka.
- **1 Julai 1983** – Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dilantik sebagai Ketua Perlembagaan UIA yang pertama.
- **15 Julai 1983** – Pengambilan pertama 153 pelajar mengikuti program Undang-Undang dan Ekonomi di kampus Petaling Jaya.
- **3 September** – Tun Hussein Onn dilantik sebagai Presiden Pertama universiti (1983-1988).
- **16 September 1983** – Senat universiti ditubuhkan.
- **1 Disember 1983** – Tan Sri Prof Dr Mohamad Abdul Rauf dilantik sebagai Rektor pertama UIAM (1983-1988).
- **Julai 1985** – Pusat Matrikulasi UIAM ditubuhkan.
- **10 Oktober 1987** – Majlis Konvokesyen pertama di mana kesemua 135 pelajar kursus Undang-Undang dan Ekonomi menerima ijazah mereka.
- **Oktober 1990** – Kampus Perubatan UIAM dibuka di Bandar Indera Mahkota, Pahang.
- **1990/1991** – UIAM memperkenalkan sistem jam kredit.
- **24 Ogos 1993** – Upacara pecah tanah kampus UIAM Gombak oleh Dr Mahathir.
- **27 Oktober 1994** – UIAM menjadi universiti pertama menerima anugerah Kecemerlangan Eksploitasi Perkhidmatan (Kategori Pendidikan) Miti 1994 oleh Dr Mahathir.
- **Jun 1995** – Pengambilan pertama pelajar perubatan UIAM di Kuantan, Pahang.
- **22 Ogos 1995** – Kuliyah Undang-undang berpindah ke kampus Gombak.
- **Mac 1999** – Penubuhan rasmi kampus UIAM Gombak.
- **Mei 1999** – Pusat Matrikulasi UIAM berpindah ke kampus di Petaling Jaya.
- **12 November 1999** – UIAM menganjurkan Malam Penghargaan untuk meraikan kakitangan dan barisan pelajar terawal.
- **9 Oktober 2000** – Majlis konvokesyen ke-16 atau pertama diadakan di kampus UIAM Gombak.  
– Pembukaan rasmi Masjid Sultan Ahmad Shah
- **22 Disember 2000** – Pengisytiharan Kuliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim.
- **14 April 2001** – Persidangan Agung Kedua Persatuan Universiti Negara Islam (FUIW) diadakan.
- **17 April 2001** – Pembukaan rasmi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.